



Rujukan : KPMSP.BPSM.S.500-1/2/9 (8)
Tarikh : 29 Jun 2016

Seperti Senarai Edaran

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan,

URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) SEBAGAI GURU CEMERLANG DI SEKOLAH, KOLEJ VOKASIONAL (KV) DAN PENSYARAH CEMERLANG DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG), INSTITUT AMINUDDIN BAKI (IAB), KOLEJ MATRIKULASI (KM) DAN ENGLISH LANGUAGE TEACHING CENTRE (ELTC) SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) TAHUN 2016

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan urusan pemangkuan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) sebagai Guru Cemerlang di sekolah / Kolej Vokasional (KV) dan Pensyarah Cemerlang di Institut Pendidikan Guru (IPG), Institut Aminuddin Baki (IAB), Kolej Matrikulasi (KM) dan *English Language Teaching Centre* (ELTC) secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Tahun 2016.

3. Sehubungan itu, pemangkuan gred yang ditawarkan adalah seperti berikut:

PPP	Gred Ditawarkan
Guru Sekolah / KV	Gred Khas C, DG54, DG52, DG48, DG44 & DG32
Pensyarah IPG	Gred Khas B, Khas C, DG54, DG52 & DG48
Pensyarah IAB/KM/ELTC	Gred Khas C, DG54, DG52, DG48 & DG44

4. Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat umum dan khusus seperti berikut:

4.1 Syarat-Syarat Umum

4.1.1 Disahkan dalam perkhidmatan;

- 4.1.2 Dinaikkan pangkat ke gred semasa. **Calon yang sedang memangku tidak layak memohon;**
- 4.1.3 Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) **sekurang-kurangnya 80%** untuk **setiap tahun** bagi tahun 2013, 2014 dan 2015;
- 4.1.4 Bebas daripada tindakan tatatertib (rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2009);
- 4.1.5 Telah mengisytiharkan harta (sebelum atau pada **1 Jun 2016**);
- 4.1.6 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 4.1.7 Bebas daripada senarai peminjam tegar pinjaman pendidikan institusi/ tabung pendidikan; dan
- 4.1.8 Diperaku oleh Ketua Jabatan (Pengarah Institusi/ Pengetua/ Guru Besar).

4.2 **Syarat-syarat Khusus**

- 4.2.1 Syarat-syarat khusus permohonan urusan pemangkuan bagi Guru/ Pensyarah Cemerlang adalah seperti berikut:
 - a. **Lampiran A1 - PPPLD;**
 - b. **Lampiran A2 - PPP Sekolah Rendah;**
 - c. **Lampiran A3 - PPP Sekolah Menengah/ KV/ IAB/KM/ ELTC;**
 - d. **Lampiran A4 - ExPPPLD di Sekolah Rendah/Sekolah Menengah/ KV/KM/ ELTC; dan**
 - e. **Lampiran A5 - IPG.**

5. Borang Permohonan:

- 5.1 Calon daripada sekolah / KM, IAB, KM dan ELTC yang memohon untuk dipertimbangkan dalam urusan pemangkuan ini hendaklah mengisi **Borang Permohonan Guru Cemerlang/ Pensyarah Cemerlang** seperti di **Lampiran B1**.
- 5.2 Calon daripada IPG yang memohon atau yang dicalonkan untuk dipertimbangkan dalam urusan pemangkuan ini hendaklah mengisi **Borang Permohonan Pensyarah Cemerlang di Institut Pendidikan Guru** seperti di **Lampiran B2**.

- 5.3 Calon perlu mengemukakan satu (1) salinan dokumen sokongan yang telah **disahkan** oleh Ketua Jabatan (Pengarah Institusi/ Pengetua/ Guru Besar):
- 5.3.1 Kad Pengenalan;
 - 5.3.2 Surat pelantikan pertama skim perkhidmatan pendidikan ke Gred DG29 dan DG41 atau setara;
 - 5.3.3 Surat Pengesahan Jawatan ke Gred DG29 dan DG41 atau setara;
 - 5.3.4 Surat kenaikan pangkat ke Gred DG44/ DG48/ DG52/ DG54/ Khas C yang dikeluarkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP);
 - 5.3.5 Sijil kelulusan akademik;
 - 5.3.6 Sijil kelulusan ikhtisas;
 - 5.3.7 Kenyataan oleh Ketua Jabatan (seperti di **Lampiran C**);
 - 5.3.8 Kenyataan Perkhidmatan terkini;
 - 5.3.9 Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi/ Tabung Pendidikan (seperti di **Lampiran D**);
 - 5.3.10 Borang Tapisan Keutuhan SPRM (seperti di **Lampiran T1**);
 - 5.3.11 Surat Pemakluman Pengisytiharan Harta;
 - 5.3.12 Jadual Waktu Mengajar (bagi tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016); dan
 - 5.3.13 Sijil, surat penghargaan dan lain-lain dokumen sokongan.

6. Calon yang memenuhi syarat-syarat umum dan khusus seperti di para 4.1 dan 4.2 di atas sahaja layak memohon. Semua calon diingatkan supaya mengisi borang permohonan dengan lengkap dan betul, disertakan bersama dengan dokumen sokongan dan dikemukakan seperti ketetapan berikut:

- 6.1 Calon dari sekolah hendaklah mengemukakan permohonan **melalui** Guru Besar/Pengetua masing-masing. Guru Besar/Pengetua hendaklah menyemak, meneliti, mengesah dan mengemukakan **permohonan yang layak kepada**:
 - 6.1.1 Ketua Nazir Sekolah, JNJK Putrajaya bagi calon yang memohon Gred DG52, DG54 dan Khas C; dan
 - 6.1.2 Ketua Nazir Negeri bagi calon yang memohon Gred DG32, DG44 dan DG48.
- 6.2 Calon dari IAB, KM dan ELTC hendaklah mengemukakan permohonan **melalui** Pengarah Institusi masing-masing. Pengarah Institusi hendaklah menyemak, meneliti, mengesah dan mengemukakan **permohonan yang layak** kepada Pengarah Bahagian masing-masing untuk dipanjangkan kepada Ketua Nazir Sekolah, JNJK, Putrajaya.

- 6.3 Calon dari IPG hendaklah mengemukakan permohonan **melalui** Pengarah IPG Kampus masing-masing. Pengarah IPG Kampus hendaklah menyemak, meneliti, mengesah dan mengemukakan **permohonan yang layak** kepada Rektor untuk dipanjangkan kepada Ketua Nazir Sekolah, JNJK, Putrajaya.
- 6.4 Calon dari Sekolah Dalam Hospital, Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney hendaklah mengemukakan permohonan mereka **melalui** Pengarah Bahagian Pendidikan Khas untuk dipanjangkan kepada Ketua Nazir Sekolah, JNJK, Putrajaya.
- 6.5 Calon yang mengisi jawatan Kader Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah mengemukakan permohonan mereka **melalui** Ketua Jabatan masing-masing untuk dipanjangkan kepada Ketua Nazir Sekolah, JNJK, Putrajaya.
- 6.6 Tarikh tutup permohonan pada hari **Ahad, 07 Ogos 2016**.

7. Calon yang memenuhi syarat dan disenarai pendek sahaja akan dinilai. Hanya calon yang telah dinilai dan berjaya sahaja akan dimaklumkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPM. Keputusan penilaian adalah muktamad.

8. Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) Bil. 2 Tahun 2015 pada 17 Februari 2015 telah memutuskan bahawa penetapan **tarikh kenaikan pangkat adalah mulai sehari selepas tempoh pemangkuan selama satu (1) tahun** bagi kumpulan **Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan Profesional**.

9. Sebarang pertanyaan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara ini boleh dirujuk kepada pegawai-pegawai seperti yang tertera di bawah:

9.1	En. Abd. Aziz bin Ahmad	(JNJK)	-	03-8884 4490
9.2	En. Wan Huzaini bin Wan Husain	(JNJK)	-	03-8884 4148
9.3	Cik Rosmiena bt. Che Mat	(BPSM)	-	03-8884 7926
9.4	Cik Azrena bt. Ramli	(BPSM)	-	03-8884 7881

10. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan dalam melancarkan urusan ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' AHMAD NADZRI BIN EMBONG)
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

Salinan Kepada :

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Dasar & Pembangunan Pendidikan

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan

Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti